

26 DEC 1999

Arahan PM boleh tingkatkan keyakinan rakyat

KUALA LUMPUR 25 Dis. — Langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta semua menteri kabinet agar tidak mempunyai kepentingan perniagaan ketika menjawat jawatan itu boleh meningkatkan keyakinan serta kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah terpuji tersebut juga boleh memberikan gambaran jelas kepada rakyat bahawa kerajaan yang memerintah mengamalkan sikap telus dalam pemerintahan negara.

"Untuk melaksanakan tanggungjawab secara berkesan, maka arahan kepada semua menteri ini tidak boleh dipersoalkan dan harus dilaksanakan sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Eksposisi Buitan Malaysia Kebangsaan Malaysia, di sini hari ini.

Melepaskan

Beliau mengulas peringatan Perdana Menteri, yang antara lain meminta semua menteri mematuhi tanggungjawab dan etika kerja termasuk tidak boleh mempunyai kepentingan perniagaan.

Jika ada, mereka perlu melepaskan jawatan yang dipegang dalam mana-mana syarikat.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi berkata, perkara itu adalah 13 ciri tanggungjawab seorang menteri dan 14 perkara berkaitan etika yang Dr. Mahathir mahu menteri melaksanakannya.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata beliau bersetuju dengan arahan Dr. Mahathir itu dan berharap semua menteri lain akan turut mematuhi demi kebaikan bersama.

Katanya, sebagai seorang yang terikat dengan tanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat, setiap menteri mesti mematuhi arahan seperti itu dan dalam masa yang sama mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, arahan atau amalan yang ditetapkan.